


**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



PEPERIKSAAN KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH

Modul II

Hadith-Hadith Mengenai Kepimpinan dan Pemerintahan

Februari 2018

Masa : 1 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua (2)** soalan. Setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
2. *Jawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman yang bercetak.

[Lihat Halaman Sebelah
SULIT

Soalan Pertama

Jawab soalan berikut berdasarkan hadith di bawah:

Daripada Ma'qal bin Yassar al-Muzanni katanya: "Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"Tiadalah seorang hamba [Allah] - yang diberikan kepadanya rakyat [menjadikannya pemimpin]- yang mati pada hari kematiannya dia meninggal dalam keadaan menipu rakyatnya melainkan Allah mengharamkan ke atasnya syurga"

[Diriwayatkan oleh Muslim]

(1) Jelaskan secara ringkas biografi perawi hadith di atas.

(3 markah)

(2) Huraikan maksud potongan-potongan teks hadith di bawah:

- (a) "...diberikan rakyat kepadanya..."
- (b) "...mengharamkan baginya syurga..."

(4 markah)

(3) Jelaskan dosa seorang pemimpin yang diancam oleh Rasulullah SAW di dalam hadith di atas.

(3 markah)

(4) Huraikan **tiga (3)** sebab Allah mengenakan balasan yang berat bagi pemimpin yang melakukan dosa di atas.

(9 markah)

(5) Bincangkan **dua (2)** hikmah Rasulullah SAW melarang perbuatan berkenaan dalam kalangan para pemimpin Muslim.

(6 markah)

Soalan Kedua

Jawab soalan berikut berdasarkan hadith di bawah:

Daripada Abi Musa al-Asy'ari RA katanya: "Aku telah masuk bertemu dengan Rasulullah SAW bersama dengan dua orang lelaki daripada keturunan Bani 'Ammi, lalu salah seorangnya berkata:

"Wahai Rasulullah, lantiklah kami dalam apa-apa urusan kepimpinan yang telah Allah berikan kepada kamu!" seorang lagi pun kemudiannya berkata demikian juga. Nabi SAW lalu bersabda: "Demi Allah, sesungguhnya kami tidak akan memberikan tugas ini [kepimpinan] kepada sesiapa pun yang memintanya, atau sesiapa pun yang berusaha mendapatkannya"

[*Muttafaq 'Alayh*]

- (1) Jelaskan secara ringkas biografi perawi hadith di atas. **(2 markah)**
- (2) Jelaskan mesej penting daripada Nabi SAW dalam hadith di atas. **(2 markah)**
- (3) Jelaskan **tiga (3)** hikmah larangan Islam melarang perbuatan **(9 markah)**
- (4) Bincangkan **dua (2)** strategi pelaksanaan tuntutan hadith di atas dalam konteks sistem pemerintahan demokrasi hari ini. **(4 markah)**
- (5) Jelaskan kesan negatif sebuah kepimpinan yang menyuburkan budaya yang dilarang oleh Nabi SAW dalam hadith di atas. **(8 markah)**

KERTAS SOALAN TAMAT